

PERJANJIAN PENJUALAN KOMODITI DAN PERLANTIKAN WAKIL PENJUALAN

Perjanjian Penjualan Komoditi ini ("Perjanjian ini") dibuat pada ____haribulan____ 201____ di antara

- a. _____ ("Pemilik") di pihak yang pertama dan
- b. Koperasi _____ ("KOPERASI") sebuah Koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 di pihak kedua.

(Pemilik dan KOPERASI, kesemuanya selepas ini dirujuk sebagai "pihak-pihak" dan secara individu dirujuk sebagai "pihak" yang mana terpakai)

BAHAWASANYA

- a. Berdasarkan Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan Pembiayaan Al-Tawarruq yang diterima, KOPERASI dengan ini bersetuju menyediakan kemudahan pembiayaan mengikut prinsip Syariah Murabahah-Tawarruq.
- b. Di bawah Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan, Pemilik akan menjual Komoditi pada harga tunai kepada pihak ketiga.

DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti yang berikut:

- a. Pemilik dengan ini memohon untuk menjual komoditi tertakluk kepada Syarat-syarat dan Terma-terma yang terkandung di dalam Borang Permohonan dan juga Perjanjian ini.
- b. Semua Syarat-syarat dan Terma-terma yang dinyatakan mengikat pihak-pihak yang terlibat, warisnya, wakil diri dan penggantinya.

PERLANTIKAN WAKIL PENJUALAN

Pemilik dengan ini melantik KOPSYA sebagai wakil untuk menyempurnakan penjualan komoditi tersebut kepada mana-mana pihak ketiga dengan harga RM _____ selepas kontrak jualan Murabahah disempurnakan antara KOPERASI dan Pemilik. Pemilik juga akan mematuhi Syarat-syarat dan Terma-terma yang ditetapkan mengikut kontrak.

PENGESAHAN:

Ditandatangani oleh

Pemilik:

.....

()

dalam kehadiran :

.....

()

Ditandatangani oleh

bagi pihak KOPERASI:

.....

()

dalam kehadiran :

.....

()